

TARIKH	30 / 05 / 2014	SEKSYEN	
MUKA SURAT	24	RUANGAN	MEGA AGAMA

# Ibadah yang sarat manfaat

Fahami, hayati hikmah dan falsafah pensyariatan haji, pasti beroleh haji mabru



TABUNG HAJI  
تَبْعِثُ



BicaraHaji

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

**A**LHAMDUILLAH, sedar tidak sedar kita sebagai umat Islam merasakan lambaiannya Kaabah sudah hampir tiba, ini kerana selepas Ramadhan maka Syawal dikenali sebagai salah satu daripada bulan haji. Justeru, panggilan haji sudah pasti mengundang pelbagai persoalan kepada yang dipilih sebagai tetamu Allah SWT atau disebut sebagai *Duyuf al-Rahman*.

Tajuk yang cuba dibincangkan kali ini berkaitan dengan hikmah dan falsafah haji. Kemungkinan daripada artikel yang ringkas ini, tidak dapat untuk diperincikan satu persatu tetapi cukuplah penulis menyebut secara umum sebahagian daripada hikmah dan falsafah haji agar benar-benar difahami oleh kita semua.

Tatkala Allah SWT menyebut berkenaan dengan matlamat atau tujuan haji maka disebut dengan kalimat *liyashadu manafia' lahum* yang membawa maksud supaya mereka menyaksikan banyak manfaat untuk mereka.

Syed Qutb dalam *fi Zilali Quran* berkata: Setiap generasi umat Muslimin dapat menikmati manfaat-manfaat itu mengikut keadaan-keadaan, keperluan-keperluan, pengalaman-pengalaman dan kehendak-kehendak masing-masing. Itulah sebahagian faedah-faedah yang dikehendaki Allah SWT ketika memfarduakan ibadat haji ke atas umat muslimin dan mernintah Nabi Ibrahim a.s mengumumkan ibadat itu dalam kalangan umat manusia.

Perkataan manfaat didatangkan dalam bentuk *nakirah* dan jamak yang memberierti amat banyak sehingga setiap orang akan mendapati pelbagai bentuk manfaat.

Sebagaimana ulama membahagikan manfaat kepada dua iaitu manfaat dunia dan manfaat agama atau akhirat.

- **Manfaat dunia.** Antaranya seperti bidang perniagaan, transaksi kewangan, perhotelan, sewaan kenderaan dan tiket. Begitu juga dengan pelbagai bentuk perkhidmatan yang sudah pasti akan memberi laba dan keuntungan kepada yang pandai mengurus dan faham selok belok perniagaan.

- **Manfaat agama atau aldiriat.** Seperti mana dinukilkann daripada Ibnu Abbas dengan maksud mendapat keredaan-Nya. Begitu juga kefahaman kepada kita cara yang terbaik untuk melaksanakan ibadat seperti solat dan lain-lainnya yang sudah pasti memberi banyak kelebihan kepada yang pernah melaksanakan ibadat haji.

Sebaliknya penulis meminjam kata-kata Syed Qutb yang menyebut: Ibadat haji merupakan muktamar untuk berkenalkan, bertukar-tukar fikiran, menyelaraskan rancangan-rancangan, menyatakan kekuatan, bertukar-tukar kebijakan, barang, ilmu pengetahuan, pengalaman-pengalaman dan mengatur satu dunia Islam yang sempurna dan sepadi sekali setahun di bawah naungan Allah SWT dan berhimpiran dengan Baitullah, juga di bawah ketaatan-ketaatan muslimin yang jauh dan dekat dan kenangan-kenangan indah zaman silam dan zaman sekarang di tempat yang paling sesuai dan dalam suasana serta waktu yang paling wajar.

Semoga sedikit falsafah ini memberi peluang kepada kita yang mendapat panggilan haji sebagai *Duyuf al-Rahman* untuk memahami serta dapat menghayati hikmah dan falsafah haji dengan sebaik-baiknya, sekali gus meraih haji yang mabru.

## Hikmah dan falsafah

- Haji merupakan satu penghimpunan terbesar sesama Muslim yang terarah dan dipimpin melalui perlakuan, masa dan tempat yang sama dengan semata-mata menjunjung *manasik al-hajj* dalam meraih keredaan-Nya.
- Menghidupkan serta menyuburkan halalik sebenar persaudaraan Islam serta menzhirkannya dengan cara yang lebih realiti. Bertemu di Baitullah serta bermunajat dengan doa yang satu kepada Allah Yang Esa, sudah pasti semarak ukhuwah menjadinya teguh dan kukuh.
- Terpancarnya nur tauhid lepasolok alam yang menjadi simbol kesatuan umat Islam.
- Lambang kesamarataan dan persamaan taraf dalam kalangan umat Islam. Bahkan, pakaian ihramnya sahaja dapat menghilangkan rasa keegoan dan takbur.
- Merupakan sebesar-besarnya peringatan untuk umat Islam kerana banyak tempat dalam pelaksanaan ibadat haji mempunyai sejarah berkaitan nabi dan rasul terdahulu.
- Setidak-tidaknya membawa kepada terbelanya fakir miskin yang berada di kota suci Mekah dengan rezeki yang dibawa oleh Jemaah.
- Haji merupakan satu tarbiyah secara fizikal dalam memenuhi ranjau kehidupan dan menanggung kesukaran serta kepenatan, di samping mendidik kesabarannya ketika menghadapi pelbagai perkara yang tidak di sukai.
- Menzhirkan rasa cinta kepada Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Terutamanya ketika mengunjungi kota Madinah dan menziarahi makam baginda SAW.